

# Peranan Sikap Sebagai Pengantara dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Guru Pendidikan Islam

Siti Fauziah Mohd Noh<sup>1</sup>, Razimi Husin<sup>2</sup>, Nor Hasnida Che Md Ghazali<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris

[stfau06@gmail.com](mailto:stfau06@gmail.com)

## ABSTRAK

Keberhasilan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) tidak hanya bergantung kepada tahap pengetahuan dan kemahiran guru, malah turut dipengaruhi oleh dimensi afektif, khususnya sikap terhadap pentaksiran tersebut. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti peranan sikap sebagai pemboleh ubah pengantara dalam hubungan antara pengetahuan dan kemahiran guru dengan kesediaan melaksanakan PBD. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan keratan rentas yang melibatkan seramai 1,336 orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah di negeri Perak. Data kajian dianalisis menggunakan pendekatan *Partial Least Squares Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) melalui perisian SmartPLS 4.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap guru mempunyai pengaruh langsung yang signifikan terhadap kesediaan melaksanakan PBD. Selain itu, sikap juga didapati berfungsi sebagai pemboleh ubah pengantara yang signifikan dalam hubungan antara pengetahuan dan kemahiran dengan kesediaan guru, dengan kesan mediasi separa. Dapatan ini membuktikan bahawa sikap memainkan peranan penting dalam menterjemahkan kompetensi guru kepada amalan sebenar dalam bilik darjah. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa pembangunan sikap profesional yang positif merupakan pemangkin utama dalam meningkatkan kesediaan dan keberkesanan pelaksanaan PBD. Justeru, program pembangunan profesional guru perlu memberi penekanan yang seimbang terhadap aspek kognitif, kemahiran dan afektif bagi memastikan kejayaan transformasi pentaksiran dalam sistem pendidikan negara.

**Kata kunci:** Sikap, PLS-SEM, PBD

## 1. PENGENALAN

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2019) sebagai satu pendekatan pentaksiran berterusan yang dilaksanakan secara formatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBD bertujuan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih menyeronokkan, mengurangkan tekanan peperiksaan dalam kalangan murid, serta membolehkan guru menilai perkembangan pembelajaran secara menyeluruh meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Pendekatan ini juga menyokong usaha untuk memastikan setiap murid mendapat peluang pembelajaran yang adil dan bermakna selaras dengan aspirasi pendidikan negara.

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK, 2019), PBD berfungsi sebagai mekanisme untuk mengumpul maklumat berkaitan tahap penguasaan, perkembangan, kebolehan dan pencapaian murid secara berterusan. Maklumat ini bukan sahaja membantu guru menambah baik strategi pengajaran, malah memberi maklum balas yang konstruktif kepada murid dalam meningkatkan pembelajaran mereka. Pendekatan ini selari dengan pandangan Yates dan Johnston (2018) yang menegaskan bahawa

kaedah peperiksaan tradisional tidak lagi relevan dalam mengukur potensi pelajar yang pelbagai dalam konteks pendidikan abad ke-21.

Dalam konteks Pendidikan Islam, pelaksanaan PBD menjadi semakin signifikan kerana ia menyokong pendekatan pembelajaran yang holistik dan bersepadu, selaras dengan matlamat untuk membentuk insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Yildizli (2020) menyatakan bahawa integrasi pentaksiran berterusan dalam kurikulum mampu meningkatkan motivasi murid serta menggalakkan pembelajaran bermakna. Sehubungan itu, pelaksanaan PBD turut menyokong hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 (KPM, 2021) dalam melahirkan modal insan berkualiti tinggi melalui transformasi sistem pentaksiran yang lebih autentik dan berpusatkan murid.

Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan PBD amat bergantung kepada peranan guru sebagai pelaksana utama di bilik darjah. Guru bukan sahaja perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran pentaksiran, malah perlu mempunyai kesediaan dan sikap yang positif terhadap pelaksanaan perubahan ini. Justeru, kajian ini memberi fokus kepada peranan sikap sebagai faktor penting yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan PBD, khususnya dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

## **2. PERNYATAAN MASALAH**

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2019) sebagai satu pendekatan pentaksiran berterusan yang dilaksanakan secara formatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBD bertujuan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih menyeronokkan, mengurangkan tekanan peperiksaan dalam kalangan murid, serta membolehkan guru menilai perkembangan pembelajaran secara menyeluruh meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Pendekatan ini juga menyokong usaha untuk memastikan setiap murid mendapat peluang pembelajaran yang adil dan bermakna selaras dengan aspirasi pendidikan negara.

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK, 2019), PBD berfungsi sebagai mekanisme untuk mengumpul maklumat berkaitan tahap penguasaan, perkembangan, kebolehan dan pencapaian murid secara berterusan. Maklumat ini bukan sahaja membantu guru menambah baik strategi pengajaran, malah memberi maklum balas yang konstruktif kepada murid dalam meningkatkan pembelajaran mereka. Pendekatan ini selari dengan pandangan Yates dan Johnston (2018) yang menegaskan bahawa kaedah peperiksaan tradisional tidak lagi relevan dalam mengukur potensi pelajar yang pelbagai dalam konteks pendidikan abad ke-21.

Dalam konteks Pendidikan Islam, pelaksanaan PBD menjadi semakin signifikan kerana ia menyokong pendekatan pembelajaran yang holistik dan bersepadu, selaras dengan matlamat untuk membentuk insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Yildizli (2020) menyatakan bahawa integrasi pentaksiran berterusan dalam kurikulum mampu meningkatkan motivasi murid serta menggalakkan pembelajaran bermakna. Sehubungan itu, pelaksanaan PBD turut menyokong hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 (KPM, 2021) dalam melahirkan modal insan berkualiti tinggi melalui transformasi sistem pentaksiran yang lebih autentik dan berpusatkan murid.

Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan PBD amat bergantung kepada peranan guru sebagai pelaksana utama di bilik darjah. Guru bukan sahaja perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran pentaksiran, malah perlu mempunyai kesediaan dan sikap yang positif terhadap pelaksanaan perubahan ini. Justeru, kajian ini memberi fokus kepada peranan sikap sebagai faktor penting yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan PBD, khususnya dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

### 3. OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

#### *Objektif Kajian:*

- a. Mengenal pasti tahap sikap guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).
- b. Menganalisis pengaruh sikap guru Pendidikan Islam terhadap kesediaan mereka dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).
- c. Menganalisis peranan sikap sebagai pemboleh ubah pengantara dalam hubungan antara pengetahuan guru dengan kesediaan melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).
- d. Menganalisis peranan sikap sebagai pemboleh ubah pengantara dalam hubungan antara kemahiran guru dengan kesediaan melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

#### *Persoalan Kajian:*

- a. Apakah tahap sikap guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)?
- b. Adakah terdapat pengaruh yang signifikan antara sikap guru Pendidikan Islam dengan kesediaan mereka dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)?
- c. Adakah sikap guru Pendidikan Islam berfungsi sebagai pemboleh ubah pengantara yang signifikan dalam hubungan antara pengetahuan guru dengan kesediaan melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)?
- d. Adakah sikap guru Pendidikan Islam berfungsi sebagai pemboleh ubah pengantara yang signifikan dalam hubungan antara kemahiran guru dengan kesediaan melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)?

### 4. METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan keratan rentas bagi meneliti hubungan antara pengetahuan, kemahiran, sikap dan kesediaan guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Populasi kajian terdiri daripada 1,336 orang guru Pendidikan Islam di negeri Perak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PBD di sekolah.

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian-kajian terdahulu dan disesuaikan dengan konteks PBD. Soal selidik ini merangkumi beberapa konstruk utama iaitu pengetahuan, kemahiran, sikap dan kesediaan guru. Konstruk sikap diukur menggunakan 15 item, manakala konstruk kesediaan guru diukur menggunakan 8 item, di samping item-item lain yang mengukur pengetahuan dan kemahiran berkaitan pelaksanaan PBD. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen telah ditentukan melalui analisis kesahan kandungan dan pekali kebolehpercayaan yang sesuai sebelum digunakan dalam kajian sebenar.

Bagi tujuan analisis data, kajian ini menggunakan pendekatan pemodelan persamaan berstruktur berasaskan varians (PLS-SEM). Penilaian model pengukuran dan model struktural telah dijalankan menggunakan perisian SmartPLS versi 4.0. Seterusnya, bagi menguji peranan sikap sebagai pemboleh ubah pengantara dalam hubungan antara pengetahuan dan kemahiran dengan kesediaan guru, analisis mediasi telah dilaksanakan menggunakan teknik bootstrapping. Pendekatan ini membolehkan pengujian kesan langsung dan tidak langsung secara serentak serta menentukan signifikan laluan hubungan dalam model kajian.

Reka bentuk dan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan objektif kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti peranan sikap sebagai pengantara dalam pelaksanaan PBD dalam kalangan guru Pendidikan Islam, seterusnya memberikan gambaran empirikal yang lebih jelas tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru dalam melaksanakan pentaksiran secara berkesan.

## 5. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dianalisis menggunakan pendekatan Pemodelan Persamaan Berstruktur Berasaskan Varians (PLS-SEM) bagi menilai hubungan antara pemboleh ubah kajian serta menjawab kesemua objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Secara deskriptif, hasil analisis menunjukkan bahawa tahap sikap guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berada pada tahap yang tinggi, sekali gus menggambarkan penerimaan dan persepsi yang positif dalam kalangan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran tersebut di bilik darjah.

Seterusnya, analisis kesan langsung menunjukkan bahawa sikap guru mempunyai pengaruh positif dan signifikan terhadap kesediaan mereka dalam melaksanakan PBD ( $\beta = 0.118$ ,  $t = 3.167$ ,  $p < 0.01$ ). Dapatan ini membuktikan bahawa sikap yang positif memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap kesediaan guru, sejajar dengan jangkaan bahawa penerimaan terhadap sesuatu inovasi pendidikan akan mempengaruhi pelaksanaannya secara efektif. Di samping itu, analisis juga menunjukkan bahawa kemahiran ( $\beta = 0.649$ ) dan pengetahuan ( $\beta = 0.165$ ) mempunyai pengaruh positif terhadap pembentukan sikap guru, sekali gus mengukuhkan kedudukan sikap sebagai pemboleh ubah perantara dalam model kajian.

Bagi menguji peranan sikap sebagai pemboleh ubah pengantara, analisis kesan tidak langsung telah dijalankan menggunakan teknik bootstrapping. Hasil dapatan menunjukkan bahawa sikap guru bertindak sebagai pengantara yang signifikan dalam hubungan antara pengetahuan dan kesediaan melaksanakan PBD ( $\beta = 0.021$ ,  $t = 2.823$ ,  $p < 0.01$ ). Ini menunjukkan bahawa pengetahuan guru mempengaruhi kesediaan mereka secara tidak langsung melalui pembentukan sikap yang positif terhadap PBD. Walau bagaimanapun, kesan pengantaraan yang diperoleh adalah berbentuk mediasi separa, yang menunjukkan bahawa sikap hanya sebahagian daripada mekanisme yang menjelaskan hubungan tersebut.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa sikap guru berfungsi sebagai pengantara yang signifikan dalam hubungan antara kemahiran dan kesediaan melaksanakan PBD ( $\beta = 0.073$ ,  $t = 2.983$ ,  $p < 0.01$ ). Keputusan ini menjelaskan bahawa kemahiran guru dalam melaksanakan pentaksiran menyumbang kepada peningkatan kesediaan melalui pembentukan sikap yang positif. Seperti hubungan sebelumnya, kesan pengantaraan ini juga merupakan mediasi separa, yang mencadangkan kewujudan faktor lain yang turut mempengaruhi kesediaan guru dalam melaksanakan PBD.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa sikap guru memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai faktor langsung yang mempengaruhi kesediaan, malah sebagai pemboleh ubah pengantara yang signifikan dalam hubungan antara pengetahuan dan kemahiran dengan kesediaan melaksanakan PBD. Hal ini menunjukkan bahawa pembentukan sikap yang positif dalam kalangan guru Pendidikan Islam merupakan elemen kritikal dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah secara menyeluruh.

## **6. PERBINCANGAN**

Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa sikap guru merupakan elemen teras yang menentukan keberhasilan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam konteks pendidikan semasa. Sikap yang positif, seperti keyakinan terhadap keupayaan PBD dalam menyokong perkembangan murid secara holistik, didapati membantu guru menghadapi cabaran pelaksanaan dengan lebih proaktif dan terbuka. Hal ini menunjukkan bahawa sikap bukan sekadar reaksi emosi, tetapi berfungsi sebagai pemacu dalaman yang mempengaruhi tingkah laku profesional guru dalam melaksanakan sesuatu inovasi pendidikan.

Peranan sikap sebagai pemboleh ubah pengantara yang signifikan dalam kajian ini turut menyokong secara empirikal Teori Tingkah Laku Terancang (Theory of Planned Behavior, TPB) oleh Ajzen (1991), yang menegaskan bahawa sikap merupakan penentu utama kepada niat dan tingkah laku individu. Dalam konteks ini, dapatan kajian membuktikan bahawa pengetahuan semata-mata tidak mencukupi untuk memastikan kesediaan guru dalam melaksanakan PBD. Sebaliknya, pengetahuan tersebut perlu diterjemahkan melalui sikap yang positif agar dapat mempengaruhi tindakan sebenar di bilik darjah. Sekiranya guru menganggap PBD sebagai sesuatu yang membebankan atau sukar dilaksanakan, maka tahap kesediaan mereka akan terjejas walaupun mereka memiliki tahap pengetahuan yang tinggi.

Selain itu, kemahiran guru dalam melaksanakan pentaksiran turut memainkan peranan penting dalam membentuk sikap yang positif. Penguasaan kemahiran pentaksiran didapati dapat mengurangkan kebimbangan dan ketidakpastian guru terhadap pelaksanaan PBD, seterusnya meningkatkan keyakinan diri mereka dalam mengendalikan proses pentaksiran secara berkesan. Keadaan ini menyumbang kepada pembentukan sikap yang lebih terbuka terhadap perubahan dan inovasi dalam pendidikan, yang akhirnya meningkatkan kesediaan guru untuk melaksanakan PBD secara konsisten dan berkualiti.

Walaupun bagaimanapun, dapatan yang menunjukkan kesan mediasi separa memberikan implikasi penting bahawa sikap bukanlah satu-satunya faktor yang mempengaruhi kesediaan guru. Sebaliknya, pengetahuan dan kemahiran masih mempunyai pengaruh langsung terhadap kesediaan, di samping pengaruh tidak langsung melalui sikap. Ini menunjukkan bahawa usaha meningkatkan kesediaan guru perlu dilaksanakan secara menyeluruh dengan mengambil kira ketiga-tiga aspek tersebut secara serentak. Dalam erti kata lain, pemupukan sikap yang positif berupaya memperkukuh dan memperbesarkan lagi kesan pengetahuan dan kemahiran terhadap kesediaan guru, seterusnya meningkatkan kebarangkalian pelaksanaan PBD yang lebih efektif dan holistik.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menegaskan bahawa pembentukan sikap yang positif dalam kalangan guru Pendidikan Islam perlu diberi perhatian serius dalam perancangan latihan profesional dan pelaksanaan dasar pendidikan. Pendekatan yang hanya menekankan aspek pengetahuan dan kemahiran tanpa mengambil kira dimensi sikap berpotensi untuk mengehadkan keberkesanan sesuatu inovasi pendidikan. Oleh itu, intervensi yang bersifat menyeluruh dan berfokus kepada pembangunan sikap, di samping peningkatan kompetensi, adalah penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam sistem pendidikan negara.

## **7. KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa kesediaan guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) di Perak bukanlah suatu proses yang berlaku secara automatik hasil daripada pelaksanaan dasar semata-mata. Sebaliknya, kesediaan tersebut terbentuk melalui interaksi yang signifikan antara pengetahuan, kemahiran dan dimensi afektif, khususnya sikap

guru terhadap PBD. Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi kepentingan peranan sikap sebagai pemangkin utama yang menterjemahkan keupayaan kognitif dan kemahiran teknikal kepada amalan sebenar dalam bilik darjah.

Sehubungan itu, implikasi utama kajian ini menunjukkan bahawa usaha memperkasa profesionalisme guru tidak boleh lagi tertumpu kepada pendekatan tradisional yang menekankan pemindahan ilmu dan kemahiran semata-mata. Sebaliknya, program pembangunan profesional perlu direka bentuk secara lebih holistik dengan mengintegrasikan elemen pembinaan nilai, perubahan minda dan pengukuhan aspek afektif bagi membentuk sikap kebertanggungjawaban dan keterbukaan terhadap inovasi pentaksiran. Pendekatan ini diyakini mampu meningkatkan keyakinan, komitmen serta kesediaan guru untuk melaksanakan PBD secara lebih berkesan dan berterusan.

Akhirnya, kajian ini menegaskan bahawa kejayaan pelaksanaan PBD dalam sistem pendidikan bukan sahaja bergantung kepada kejelasan dasar atau kecukupan latihan, tetapi juga kepada sejauh mana sikap positif dapat dibentuk dan diperkukuhkan dalam kalangan guru sebagai pelaksana utama. Oleh itu, penekanan terhadap pembangunan sikap yang konstruktif perlu diberi keutamaan dalam merangka dasar dan intervensi pendidikan pada masa hadapan bagi memastikan keberhasilan transformasi pentaksiran secara menyeluruh dan mampan.

## 8. RUJUKAN

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211.
- Arumugham, K. S. (2020). Classroom assessment and its implementation in Malaysian schools. *Journal of Educational Research and Practice*, 10(1), 45–60.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019). *Panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Fakhri Abdul Khalil, & Mohd Isha Awang. (2016). Transformasi pentaksiran dalam sistem pendidikan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(2), 1–10.
- Gengatharan, K., & Azali Rahmat. (2019). Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 25–34.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pentaksiran bilik darjah: Konsep dan pelaksanaan*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (Semakan)*. Putrajaya: KPM.
- Lius, K., & Zamri Mahamod. (2021). Kesediaan guru dalam melaksanakan perubahan pendidikan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 15–28.
- Masfarizan Maslan, & Mohammed Yusoff Mohd Nor. (2020). Cabaran guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 67–78.
- Noorzeliana Idris. (2016). Keyakinan guru dalam pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(3), 12–20.
- Siti Nor Aisah Moktar, Mohd Salleh Abu, & Noraini Idris. (2018). Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 89–98.

- Yates, A., & Johnston, M. (2018). Assessment in the 21st century classroom: Rethinking traditional approaches. *Educational Assessment Review*, 30(2), 101–115.
- Yeh, Y. C., & Mohd Zahuri Khairani. (2018). Teacher competency in classroom assessment practices. *International Journal of Instruction*, 11(3), 123–138.
- Yildizli, H. (2020). The role of classroom assessment in enhancing student motivation. *Education and Science Journal*, 45(201), 55–70.
- Zahari Suppian, Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah, & Noraini Mohd Salleh. (2020). Keberkesanan latihan guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(4), 33–45.